

NeXT

Network of excellence, Knowledge and Transformation



EDISI

MEI 2025

eISSN : 3093-6543

LAPORAN PROGRAM KURSUS DALAM TALIAN BERTAJUK ASAS MESYUARAT BERKUALITI

Ahmad Azman Mohamad Ramli

Pengajian Sains Maklumat

Kolej Pengajian Pengkomputeran, Informatik dan Matematik,

Universiti Teknologi MARA (UiTM),

Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Rembau,

71300, Negeri Sembilan Darul Khusus, Malaysia.

Pada tarikh 3 Oktober 2024, hari Khamis, bermula pada pukul 9 pagi sehingga pukul 10.30 pagi, telah diadakan satu program perkongsian ilmu dalam talian yang bertajuk "Asas Mesyuarat Berkualiti". Program ini dianjurkan oleh Perpustakaan Tun Abdul Razak, UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Rembau yang diketuai oleh Encik Mohd Hafiz bin Kasirun, Pustakawan Kanan merangkap Ketua Perpustakaan di kampus ini. Program ini terbuka untuk dihadiri oleh semua kakitangan UiTM Cawangan Negeri Sembilan. Seramai lebih daripada 200 peserta telah menyertai program ini. Platform media sosial yang digunakan untuk mengadakan program ini ialah Webex. Jam latihan dan sijil digital disediakan di akhir program untuk semua peserta yang hadir.



Gambar 1: Poster infografik program

Penceramah yang dijemput untuk mengendalikan program ini ialah Encik Ahmad Azman Bin Mohamad Ramli, Pensyarah Kanan daripada Pusat Pengajian Sains Maklumat, Kolej Pengajian Pengkomputeran, Informatik dan Matematik, UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Rembau. Moderator yang bertugas ialah Encik Mursyid Haqeemi bin Mohd Yunus, pelajar latihan industri daripada Pusat Pengajian Sains Maklumat, Kolej Pengajian Pengkomputeran, Informatik dan Matematik, UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Rembau. Beliau ketika ini sedang mengikuti latihan industri di Perpustakaan Tun Abdul Razak, UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Rembau.

Program ini telah dimulakan dengan bacaan doa oleh Ustaz Mohd Sairin bin Sarlan, Kerani Hal Ehwal Islam (Bilal) di Bahagian Hal Ehwal Islam, UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Rembau dan diikuti dengan ucapan alu-aluan daripada Puan Jamilah binti Md Yusoff, Timbalan Ketua Pustakawan Kanan, Perpustakaan Tun Abdul Razak, UiTM Cawangan Negeri Sembilan. Dalam program ini, penceramah telah berkongsi ilmu tentang cara-cara asas mengurus mesyuarat yang berkualiti. Contohnya penceramah telah berkongsi ilmu tentang definasi mesyuarat, definasi minit mesyuarat serta cara-cara asas mengurus mesyuarat iaitu pada sebelum, semasa dan selepas mesyuarat bermula. Penceramah juga telah mendedahkan tentang cara-cara asas menulis minit mesyuarat yang berkualiti. Dalam program ini juga, para peserta program telah mengambil kesempatan bertanya soalan kepada penceramah tentang perkara-perkara yang dibincangkan. Di akhir program, penceramah dan para peserta kursus telah bergambar ramai untuk kenang-kenangan.



Gambar 2: Sebahagian peserta program bergambar kenang-kenangan

Rumusannya, walaupun tempoh masa berlangsungnya program ini singkat dan diadakan dalam talian, ia tetap berjaya menarik minat ramai peserta untuk hadir bersama. Diharap agar para peserta yang hadir telah berjaya mendapat sedikit sebanyak ilmu berkaitan asas pengurusan mesyuarat yang berkualiti serta mampu untuk mengamalkannya di tempat bertugas masing-masing. Diharap juga agar majlis perkongsian ilmu sebegini akan dapat diteruskan pada masa hadapan dengan tajuk-tajuk lain yang lebih menarik dan bermanfaat untuk semua kakitangan UiTM.